

19/08/1997

IT: Penduduk luar bandar perlu berubah

Lichong Angkui; Shamsul Kamal Amarudin

KOTA KINABALU, Isnin - Penduduk luar bandar perlu mengubah corak hidup mereka jika tidak mahu ketinggalan dalam kepesatan teknologi maklumat (IT) sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setakat ini, kata Perdana Menteri, penduduk di kawasan bandar mempunyai lebih banyak peluang menguasai ilmu IT kerana banyak kemudahan untuk memperoleh serta menggunakannya berbanding di luar bandar.

Bagaimanapun, perbezaan itu dapat dikurangkan sekiranya penduduk di luar bandar sanggup mengubah cara hidup mereka sesuai dengan kepesatan pembangunan dalam IT.

Perubahan corak hidup itu juga perlu turut meliputi cara bekerja dalam sektor pertanian dengan menggunakan kelebihan teknologi moden bagi mengeluarkan hasil yang maksimum.

"Kalau kita ubah cara hidup di kampung, kita boleh mengatasi masalah ini kerana di negara maju, penduduk luar bandar kurang daripada di bandar ekoran lebih banyak kemudahan.

"Sebaliknya di kampung, kita ingin mengadakan pertanian secara moden yang menggunakan tenaga kerja sedikit dalam kawasan lebih luas," katanya pada sidang akhbar di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini hari ini.

Hadir sama Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam serta semua menteri Kabinet negeri.

Dr Mahathir mahu penduduk di luar bandar mencontohi kebijaksanaan petani negara maju mengeksploitasikan teknologi canggih untuk meningkatkan pengeluaran pertanian.

Beliau memberi contoh ketika lawatannya ke Eropah baru-baru ini, sebuah ladang seluas 3,200 hektar hanya menggunakan lapan pekerja saja berbanding di negara ini yang sudah tentu menggunakan ratusan pekerja.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan penduduk di luar bandar di negara ini lebih suka mengambil jalan mudah untuk mengubah corak hidup dengan bekerja di bandar, yang secara langsung membolehkan mereka menggunakan setiap kemudahan yang ada.

Mengenai pendirian kerajaan mahu rakyatnya menguasai bahasa Inggeris, Perdana Menteri berkata, penekanan itu sudah diberikan sejak dahulu lagi bagi membolehkan penduduk negara ini menguasai pelbagai bidang ilmu.

Tegasnya, usaha mempertingkatkan keupayaan penguasaan bahasa Inggeris penting kerana ia membolehkan rakyat negara ini menjadi satu bangsa yang dihormati di dunia dengan menguasai pelbagai bidang ilmu.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menolak anggapan sesetengah pihak yang beranggapan penekanan terhadap bahasa Inggeris akan merendahkan martabat bahasa Melayu di negara ini.

"Usaha ini kita jalankan walaupun ada sesetengah pihak yang hendak kita buta dalam bahasa Inggeris walaupun kita terpaksa menjadi orang yang mundur.

"Saya tidak tahu sama ada kepentingan kebangsaan itu hanya tertumpu kepada hanya boleh bercakap dalam bahasa sendiri saja atau penguasaan ilmu," katanya.

Dr Mahathir berpendapat kepentingan kebangsaan ialah semangat nasionalisme untuk mempertingkatkan keupayaan orang Melayu dan rikat negara ini menjadi satu bangsa yang dihormati dunia.

Menurutnya, kebanggaan nasional bukan semata-mata menjadi satu bangsa

yang hanya boleh bercakap dalam bahasa sendiri sebaliknya kemampuan menguasai pelbagai ilmu.

(END)